

Industri rumpai laut mampu bantu bangun ekonomi negeri

DE 18/06/2011 7

Neil Chan

KOTA KINABALU: Perusahaan rumpai laut merupakan salah satu sektor yang boleh membantu membangun dan menyumbang kepada sektor ekonomi negeri ini, menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampom.

Beliau berkata demikian ketika menyerahterahkan surat anugerah kepada wakil-wakil enam syarikat perintis yang terlibat dalam Projek Mini Pemeliharaan Ladang Rumpai Laut oleh UMS, Khamis.

"Sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Ekonomi negara, untuk membangunkan ekonomi, meningkatkan kualiti hidup rakyat dan untuk memberi mereka peluang pekerjaan, salah satu sektor yang dikenalpasti oleh kerajaan dalam membangunkan sektor ekonomi Negeri ialah industri rumpai laut yang telah wujud di negeri ini sejak 1977.

"Faktor-faktor positif yang menyumbang kepada industri ini adalah perairan pesisir negeri yang mempunyai keadaan sesuai dan kawasan pesisir yang luas 20,000-30,000 hektar di samping kawasan ladang rumpai laut sedia ada seluas 8,000 hektar.

"Dalam jangka panjang, Sabah telah bersedia untuk memainkan peranan penting dalam industri ini di peringkat serantau dan dunia dengan kapasiti pengeluaran antara 100,000 dan 150,000 tan metrik kering," katanya.

Beliau berkata, peranan UMS dalam projek ini adalah sebagai perunding, pembekal teknologi dan pemilik bersama projek yang juga mempunyai kerjasama Jabatan Perikanan Sabah.

Menurut beliau UMS akan mempunyai Unit Penyelidikan Rumpai Laut interim yang akan bergerak bersama dengan sekurang-kurangnya 15 syarikat yang dilantik oleh kerajaan tahun ini termasuk



Dr Kamaruzaman (depan keempat dari kanan) bersama wakil-wakil daripada enam syarikat berkenaan.

enam syarikat.

Enam syarikat itu ialah Ko-operasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan), VC, United Sdn Bhd, Koperasi Belia Kg Look Butun, Madesjaya Sdn Bhd, Sebangkat Reef Eco Plant dan UMS Link Holdings Sdn Bhd.

Kamaruzaman berkata peranan yang dimainkan oleh UMS adalah penting terutama dalam penggunaan dan pengkomersilan projek penyelidikan bagi manfaat masyarakat.

Ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan yang memerlukan setiap universiti agar menjalankan penyelidikan berkualiti yang relevan kepada masyarakat dan negara.

Beliau menjelaskan, UMS telah terlibat dalam projek penanaman rumpai laut sejak 1998 melalui projek-projek PPRT mereka di Pulau Banggi, Sabah.

Kamaruzaman berkata Kaedah Ladang Mini Penanaman Rumpai Laut muncul sebagai hasil daripada penyelidikan dan pembangunan berterusan.

"Model baru atau teknik adalah unik kerana banyak kerja yang dilakukan pada platform sekarang berbanding sebelum ini di mana kerja itu dilakukan di laut. Oleh

itu pihak pengurusan telah menjadi lebih cekap dan pulangan yang lebih daripada sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, bagi pembangunan negara, UMS bersama dengan agensi-agensi kerajaan dan jabatan yang terlibat boleh membantu meningkatkan pengeluaran rumpai laut kering di Negeri ini kepada 100,000-150,000 tan metrik bernilai RM1 bilion menjelang 2020 menerusi industri hulu dan hiliran.

Dianggarkan 5,000 pekerjaan dijangka diwujudkan sebagai hasilnya.

Kamaruzaman berkata satu lagi manfaat yang diperolehi adalah hubungan dan kerjasama antara pelbagai agensi dan institusi di dalam dan luar negara menerusi bidang penyelidikan dan pembangunan.

Sebagai ketua lembaga penyelidikan dan pembangunan rumpai laut di negara ini, UMS komited untuk mengenal pasti bidang-bidang strategik yang boleh dibangunkan untuk tujuan komersial.

Pada masa ini ia menerima kerjasama agensi-agensi luar seperti Perbadanan Teknikal Jerman (GTZ), BIMP-EAGA Filipina dan juga Kerajaan Indonesia, katanya.